



29 Ogos 2025
29 August 2025
P.U. (A) 324

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT.
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN TRADISIONAL
DAN KOMPLEMENTARI (PINDAAN) 2025

*TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE
(AMENDMENT) REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016

PERATURAN-PERATURAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI
(PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 60(2)(b), (c), (d), (e), (k) dan (m) Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perubatan Tradisional dan Komplementari (Pindaan) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 September 2025.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Perubatan Tradisional dan Komplementari 2021 [P.U. (A) 69/2021], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam subperaturan (2)—

(a) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “; atau” di hujung perenggan itu dengan noktah; dan

(b) dengan memotong perenggan (c).

Pindaan peraturan 4

3. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pemohon yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah layak untuk didaftarkan dengan Majlis jika pemohon itu memperoleh kelayakan diiktiraf sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.”; dan

(b) dalam subperaturan (4), dengan menggantikan perenggan (c) dengan perenggan yang berikut:

“(c) salinan diakui sah ijazah, diploma atau sijil, atau jika ijazah, diploma atau sijil itu belum dikeluarkan, salinan diakui sah transkrip ijazah, diploma atau sijil itu.”.

Peraturan baharu 5A

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 5 peraturan yang berikut:

“Permohonan untuk pindaan butir-butir dalam perakuan pengamalan sementara

5A. (1) Mana-mana pemegang suatu perakuan pengamalan sementara boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Majlis dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis untuk meminda apa-apa butir dalam perakuan pengamalan sementara itu dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Majlis hendaklah, selepas permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) diluluskan, mengeluarkan suatu perakuan pengamalan sementara yang baharu dalam Borang H Jadual Pertama dan membatalkan perakuan pengamalan sementara terdahulu yang dikeluarkan di bawah subperaturan 5(3).”.

Peraturan baharu 6A

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 6 peraturan yang berikut:

“Permohonan untuk pindaan butir-butir dalam perakuan pengamalan pengamal berdaftar

6A. (1) Mana-mana pengamal berdaftar boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Majlis dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis untuk meminda apa-apa butir dalam perakuan pengamalan pengamal berdaftar dan permohonan itu hendaklah disertakan dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Majlis hendaklah, selepas permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) diluluskan, mengeluarkan suatu perakuan pengamalan pengamal berdaftar yang baharu dalam Borang K Jadual Pertama dan membatalkan perakuan pengamalan pengamal berdaftar terdahulu yang dikeluarkan di bawah subperaturan 6(4).”.

Peraturan baharu 10A

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 10 peraturan yang berikut:

“Permohonan untuk perakuan kelakuan baik

10A. (1) Mana-mana pengamal berdaftar yang telah diberikan oleh Majlis suatu perakuan pengamalan pengamal berdaftar atau perakuan pengamalan sementara boleh membuat permohonan kepada Majlis secara bertulis dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis untuk suatu perakuan kelakuan baik.

(2) Permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah disertakan dengan pembayaran fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.”.

Penggantian Jadual Kedua

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

"JADUAL KEDUA

[Subperaturan 2(1), 4(1), 5(1), 5A(1), 6(1), 6(3), 6A(1), 7(1),
peraturan 10, subperaturan 10A(2) dan subperaturan 11(1)]

BAYARAN FI

(1) Bil.	(2) Perihal	(3) Fi (RM)
1.	Permohonan untuk pendaftaran sementara	50.00
2.	Permohonan untuk pendaftaran sebagai pengamal berdaftar	100.00
3.	Permohonan untuk perakuan pengamalan sementara	200.00
4.	Permohonan untuk pindaan butir-butir dalam perakuan pengamalan sementara	100.00 setiap permohonan
5.	Permohonan untuk perakuan pengamalan pengamal berdaftar	50.00
6.	Permohonan untuk pembaharuan perakuan pengamalan pengamal berdaftar	50.00
7.	Permohonan untuk pindaan butir-butir dalam perakuan pengamalan pengamal berdaftar	50.00 setiap permohonan

(1) Bil.	(2) Perihal	(3) Fi (RM)
8.	Permohonan untuk pengembalian perakuan pengamalan selepas penggantungan	50.00
9.	Pemeriksaan atau membuat salinan atau mengambil cabutan butiran daripada daftar	10.00 setiap pemeriksaan atau salinan atau cabutan butiran untuk setiap pengamal
10.	Permohonan untuk perakuan kelakuan baik	200.00 setiap permohonan
11.	Permohonan untuk kemasukan semula nama dalam daftar	100.00

Penggantian Jadual Ketiga

8. Peraturan-Peraturan ini dipinda dengan menggantikan Jadual Ketiga dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KETIGA
[Subperaturan 4(2)]

KELAYAKAN PENGAMAL BERDAFTAR

(1) Bil.	(2) Bidang amalan diiktiraf	(3) Subbidang/ sublapangan	(4) Kelayakan
1.	Perubatan tradisional Melayu	<i>(a)</i> Semua subbidang	Diploma dalam Perubatan Tradisional Melayu atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis
		<i>(b)</i> Urut Melayu	<i>(a)</i> Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4): Urut Terapeutik dan Penjagaan; atau <i>(b)</i> Diploma Lanjutan Urut Melayu daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (dari tahun 2010 hingga 2012)
		<i>(c)</i> Bekam Melayu	Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 3): Terapi Bekam Angin
		<i>(d)</i> Penjagaan selepas bersalin	Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4): Penjagaan Ibu Selepas Bersalin MamaCare
2.	Perubatan tradisional Cina		Ijazah Sarjana Muda dalam Perubatan Tradisional Cina atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis

(1) Bil.	(2) Bidang amalan diiktiraf	(3) Subbidang/ sublapangan	(4) Kelayakan
3.	Perubatan tradisional India	<i>(a)</i> Ayurveda	Ijazah Sarjana Muda dalam Perubatan Ayurveda atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis
		<i>(b)</i> Siddha	Ijazah Sarjana Muda dalam Perubatan Siddha atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis
		<i>(c)</i> Unani	Ijazah Sarjana Muda dalam Perubatan Unani atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis
		<i>(d)</i> Yoga dan Naturopati	Ijazah Sarjana Muda dalam Naturopati dan Sains Yoga atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis
4.	Homeopati		Ijazah Sarjana Muda dalam Homeopati atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis
5.	Kiropraktik		Ijazah Sarjana Muda dalam Kiropraktik atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis
6.	Osteopati		Ijazah Sarjana Muda dalam Osteopati atau setaraf sebagaimana yang diiktiraf oleh Majlis

(1) Bil.	(2) Bidang amalan diiktiraf	(3) Subbidang/ sublapangan	(4) Kelayakan
7.	Pengubatan Islam		<p><i>(a)</i> Diploma Kemahiran Malaysia (Tahap 4): Perawatan Ruqyah; atau</p> <p><i>(b)</i> Memenuhi keperluan saringan i-Syifa' sebagaimana yang diluluskan oleh Majlis</p>

1. Subbidang merujuk kepada pecahan perubatan tradisional Melayu berdasarkan kaedah rawatan.
2. Sublapangan merujuk kepada pecahan perubatan tradisional India berdasarkan amalan berbeza.
3. Diploma atau setaraf merujuk kepada diploma sebagaimana yang diluluskan atau diiktiraf oleh Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari dan sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan pendaftaran untuk bidang amalan diiktiraf yang berkaitan.
4. Ijazah sarjana muda atau setaraf merujuk kepada ijazah sarjana muda sebagaimana yang diluluskan atau diiktiraf oleh Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari dan sebagaimana yang dinyatakan dalam garis panduan pendaftaran untuk bidang amalan diiktiraf yang berkaitan.”.

Pemotongan Jadual Keempat

9. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Keempat.

Dibuat 27 Ogos 2025
[KKM.S.600-1/3/357 Bil. 10; PN(PU2)734/JLD.2]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Menteri Kesihatan

TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE ACT 2016

TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE (AMENDMENT) REGULATIONS 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraphs 60(2)(b), (c), (d), (e), (k) and (m) of the Traditional and Complementary Medicine Act 2016 [Act 775], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Traditional and Complementary Medicine (Amendment) Regulations 2025**.

(2) These Regulations come into operation on 1 September 2025.

Amendment of regulation 2

2. The Traditional and Complementary Medicine Regulations 2021 [P.U. (A) 69/2021], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in subregulation (2)—

(a) in paragraph (b), by substituting for the words “; or” at the end of the paragraph a full stop; and

(b) by deleting paragraph (c).

Amendment of regulation 4

3. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

(a) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) An applicant referred to in subregulation (1) shall be eligible to be registered with the Council if the applicant obtains the recognized qualification as specified in the Third Schedule.”; and

(b) in subregulation (4), by substituting for paragraph (c) the following paragraph:

“(c) a certified true copy of a degree, diploma or certificate, or if such degree, diploma or certificate is yet to be issued, a certified true copy of a transcript of such degree, diploma or certificate.”.

New regulation 5A

4. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 5 the following regulation:

“Application for amendment of details in temporary practising certificate

5A. (1) Any holder of a temporary practising certificate may make an application in writing to the Council in the form as determined by the Council to amend any details in the temporary practising certificate and such application shall be accompanied by the payment of fee as specified in the Second Schedule.

(2) The Council shall, after the application made under subregulation (1) is approved, issue a new temporary practising certificate in Form H of the First Schedule and cancel the temporary practising certificate issued previously under subregulation 5(3).”.

New regulation 6A

5. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 6 the following regulation:

“Application for amendment of details in registered practitioner’s practising certificate

6A. (1) Any registered practitioner may make an application in writing to the Council in the form as determined by the Council to amend any details in the registered practitioner’s practising certificate and such application shall be accompanied by the payment of fee as specified in the Second Schedule.

(2) The Council shall, after the application made under subregulation (1) is approved, issue a new registered practitioner's practising certificate in Form K of the First Schedule and cancel the registered practitioner's practising certificate issued previously under subregulation 6(4)."

New regulation 10A

6. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 10 the following regulation:

"Application for certificate of good standing

10A. (1) Any registered practitioner who has been granted by the Council a registered practitioner's practising certificate or a temporary practising certificate may make an application to the Council in writing in the form as determined by the Council for a certificate of good standing.

(2) The application made under subregulation (1) shall be accompanied by the payment of fee as specified in the Second Schedule and subject to any condition as determined by the Council."

Substitution of Second Schedule

7. The principal Regulations are amended by substituting for the Second Schedule the following schedule:

"SECOND SCHEDULE

[Subregulations 2(1), 4(1), 5(1), 5A(1), 6(1), 6(3), 6A(1), 7(1), regulation 10, subregulation 10A(2) and subregulation 11(1)]

PAYMENT OF FEE

(1) No.	(2) Description	(3) Fee (RM)
1.	Application for provisional registration	50.00
2.	Application for registration as a registered practitioner	100.00
3.	Application for temporary practising certificate	200.00
4.	Application for amendment of details in temporary practising certificate	100.00 per application
5.	Application for registered practitioner's practising certificate	50.00
6.	Application for renewal of registered practitioner's practising certificate	50.00
7.	Application for amendment of details in registered practitioner's practising certificate	50.00 per application
8.	Application for return of practising certificate after suspension	50.00

(1) No.	(2) Description	(3) Fee (RM)
9.	Inspection or making of a copy or extraction of an entry from the register	10.00 per inspection or copy or extraction for each practitioner
10.	Application for certificate of good standing	200.00 per application
11.	Application for restoration of name into register	100.00

Substitution of Third Schedule

8. The principal Regulations are amended by substituting for the Third Schedule the following schedule:

“THIRD SCHEDULE

[Subregulation 4(2)]

QUALIFICATION OF REGISTERED PRACTITIONER

(1) No.	(2) Recognized practice area	(3) Subarea/subfield	(4) Qualification
1.	Traditional Malay medicine	(a) All subareas	Diploma in Traditional Malay Medicine or equivalent as recognized by the Council

(1) No.	(2) Recognized practice area	(3) Subarea/subfield	(4) Qualification
		<i>(b)</i> Malay massage	<i>(a)</i> Malaysian Skills Diploma (Level 4): Therapeutic Massage and Care; or <i>(b)</i> Advanced Diploma in Malay Massage from Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Polytechnic (from year 2010 until 2012)
		<i>(c)</i> Malay cupping	Malaysian Skills Certificate (Level 3): Wind Cupping Therapy
		<i>(d)</i> Post natal care	Malaysian Skills Diploma (Level 4): MamaCare Post Natal
2.	Traditional Chinese medicine		Bachelor Degree in Traditional Chinese Medicine or equivalent as recognized by the Council
3.	Traditional Indian medicine	<i>(a)</i> Ayurveda	Bachelor Degree in Ayurvedic Medicine or equivalent as recognized by the Council
		<i>(b)</i> Siddha	Bachelor Degree in Siddha Medicine or equivalent as recognized by the Council

(1) No.	(2) Recognized practice area	(3) Subarea/subfield	(4) Qualification
		<i>(c)</i> Unani	Bachelor Degree in Unani Medicine or equivalent as recognized by the Council
		<i>(d)</i> Yoga and Naturopathy	Bachelor Degree in Naturopathy and Yogic Sciences or equivalent as recognized by the Council
4.	Homeopathy		Bachelor Degree in Homeopathy or equivalent as recognized by the Council
5.	Chiropractic		Bachelor Degree in Chiropractic or equivalent as recognized by the Council
6.	Osteopathy		Bachelor Degree in Osteopathy or equivalent as recognized by the Council
7.	Islamic medical practice		<p><i>(a)</i> Malaysian Skills Diploma (Level 4): Ruqyah Healing; or</p> <p><i>(b)</i> Meet the requirements of i-Syifa' screening as approved by the Council</p>

1. A subarea refers to the breakdown of traditional Malay medicine based on treatment methods.
2. A subfield refers to the breakdown of traditional Indian medicine based on different practices.
3. A diploma or equivalent refers to a diploma as approved or recognized by the Traditional and Complementary Medicine Council and as specified in the registration guidelines for the respective recognized practice area.
4. A bachelor degree or equivalent refers to a bachelor degree as approved or recognized by the Traditional and Complementary Medicine Council and as specified in the registration guidelines for the respective recognized practice area.”.

Deletion of Fourth Schedule

9. The principal Regulations are amended by deleting the Fourth Schedule.

Made 27 August 2025
[KKM.S.600-1/3/357 Bil. 10; PN(PU2)734/JLD.2]

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
Minister of Health